

# Ekonomi: Pemuda Umno tolak had 30 peratus

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

Oleh HAJI TAJUDDIN SAMAN

KUALA LUMPUR, Ahad — Pergerakan Pemuda Umno hari ini menolak sekeras-kerasnya had penyertaan 30 peratus sebagai tahap maksimum Bumiputera dalam bidang ekonomi.

Pergerakan itu juga tidak bersetuju dengan tempoh 20 tahun bagi mencapai matlamat itu.

Ini adalah antara enam resolusi yang dicapal dalam Kongres Ekonomi anjuran Biro Ekonomi pergerakan itu selama tiga hari, yang berakhir di sini, petang ini.

Ketika mengumumkan keenam-enam resolusi berkenaan dalam sidang akhbar di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, Pengerusi Biro itu, Dr Jamaluddin Jarjis, berkata:

"Kongres merumuskan bahawa penyusunan semula masyarakat sebenarnya ialah untuk membina semula ekonomi Bumiputera. Bagi tujuan itu, pelaksanaannya hendaklah berlandaskan kepada nisbah berpendudukan sebagai asas pengagihan kekayaan negara."

Pergerakan Pemuda juga merumuskan bahawa pembasmian kemiskinan perlu dilaksanakan tanpa mengira kaum. Meskipun begitu, ia masih menjadi satu fenome-

na Bumiputera, bukan saja di luar bandar, tetapi juga di bandar.

Rumusan lain ialah menggariskan bahawa Dasar Ekonomi Baru (DEB) memberikan kesan kepada masyarakat Bumiputera tetapi tahap pencapaiannya masih tidak memuaskan.

## Strategi

Pembangunan sumber tenaga manusia pula adalah asas jangka panjang pembangunan negara dan dengan itu kerajaan hendaklah menggubal satu dasar dan strategi secara tersusun dan menyeluruh ke arah menghadapi cabaran-cabaran masa depan.

Pergerakan Pemuda juga meminta kerajaan supaya mengkaji semula arah aliran pengurusan ekonomi berbentuk deregulasi, pelonggaran syarat dan dasar mengurangkan pembabitan kerajaan dalam ekonomi negara.

Dr Jamaluddin berkata pergerakan itu akan turut menyediakan satu memoran-

dum cadangan khusus selaras dengan semua rumusan berkenaan untuk dikemukakan kepada kerajaan.

Katanya, keenam-enam rumusan itu akan dikemukakan oleh pergerakan itu kepada Majlis Perundingan Ekonomi Negara (MPEN) yang akan mengadakan sidang berikutnya awal Mac ini.

Menurutnya, rumusan itu dicapai berdasarkan kesedaran bahawa bangsa Melayu adalah bangsa induk negara ini yang bertimbang rasa serta adil.

"Kita juga sedar mengenal hakikat ekonomi orang Melayu yang masih jauh ketinggalan disebabkan ketidakseimbangan ekonomi dan ketidakadilan berpunca daripada faktor penjajahan," katanya.

Beliau berkata hasrat dan cita-cita perpaduan seperti yang termaktub dalam Rukunegara adalah untuk mencipta masyarakat adil dan kemakmuran dinikmati secara saksama.

Matlamat serampang dua mata DEB juga adalah untuk membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan menyusun semula masyarakat dengan tujuan menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi, katanya.